

TERMA UNTUK DIMASUKKAN DI DALAM PENDAFTARAN DALAM TALIAN (NOIR)

1. Penyerahan Hak

Dengan batasan tertentu yang dinyatakan di sini, Syarikat dengan ini memberi kuasa kepada Stokis / Noir Distributor hak menjual dan/atau mempromosikan dan/atau akan memasarkan Produk yang membawa jenama Noir Health & Beauty mengikut terma-terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Penjanjian ini iaitu:

- i) Stokis / Noir Distributor hanya akan memasarkan dan menawarkan produk-produk di dalam Wilayah, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perjanjian ini.
- ii) Stokis / Noir Distributor tidak dibenarkan untuk:
 - a. untuk memasarkan dan/atau menjual dan/atau mempromosikan mana-mana produk syarikat yang lain yang BUKAN merupakan dan/atau mempunyai ciri-ciri produk yang sama;
 - b. untuk menggunakan FB PAGE yang ditulis NOIR dan menjual dan/atau mempromosikan mana-mana produk syarikat yang;
 - c. untuk menggunakan FB PERIBADI yang ditulis NOIR dan menjual dan/atau mempromosikan mana-mana produk syarikat yang lain;
 - d. membuang atau memotong tanda harga runcit yang telah dicetak dan/atau tertera dan/atau menanggalkan pelekat hologram Syarikat yang ditampal dikotak Syarikat dan/atau menjualnya semula menjadi barang yang berasingan jika ia telah ditetapkan di dalam set.
 - e. dari masa ke semasa Stokis perlu mematuhi panduan yang dikeluarkan oleh pihak Syarikat sebelum dan semasa mempromosikan dan memasarkan produk-produk perniagaan yang mana pihak Syarikat adalah dikecualikan untuk bertanggungjawab sekiranya promosi dan pemasaran dilakukan atas representasi Stokis tersebut sendiri tanpa merujuk kepada panduan yang telah diberikan;
 - f. Stokis hendaklah menggunakan namanya sendiri ataupun menggunakan label NOIR sahaja tanpa merepresentasikan namanya sebagai Ibu Pejabat Syarikat (HQ) atau pejabat NOIR (Official);
 - g. Stokis tidak boleh sama sekali menggunakan nama dan/atau gambar pengasas NOIR dalam mempromosikan dan memasarkan produk di dalam ruangan sosial media, namun sekiranya gambar tersebut Stokis tersebut adalah bersama dengan pengasas NOIR adalah dibenarkan;
 - h. Stokis tidak boleh membuat sebarang pelan perancangan urusniaganya secara sendiri tanpa membuat sebarang rujukan kepada arahan dan panduan yang dikeluarkan oleh pihak Syarikat; dan
 - i. Stokis tidak boleh melakukan sebarang persaingan harga terhadap produk-produk yang dikeluarkan oleh pihak Syarikat dengan

memanipulasi harga jualan tanpa kebenaran dan arahan daripada pihak Syarikat.

- iii) Stokis / Noir Distributor hendaklah membawa diri mereka secara eksklusif sebagai JENAMA NOIR.
- iv) Hak-hak yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini tidak boleh diberikan kepada Stokis / Noir Distributor yang lain tanpa persetujuan bertulis daripada Syarikat.
- v) Sekiranya Stokis / Noir Distributor gagal mematuhi dan menuntut peraturan dan ketetapan seperti yang dinyatakan dalam sub-klausa (ii) dan (iii) yang disebutkan di atas, Syarikat berhak mengeluarkan dua (2) amaran bertulis secara berturut-turut dan jika Stokis / Noir Distributor masih gagal mematuhinya, pihak Syarikat menamatkan Perjanjian ini dengan cara memberikan Notis dalam masa tujuh (7) hari kepada Stokis / Noir Distributor tersebut dan Stokis / Noir Distributor tersebut adalah terhenti daripada menjadi Stokis / Noir Distributor kepada Syarikat.
- vi) Syarikat mempunyai hak untuk menambah atau menolak dari senarai-senarai Produk yang diberikuasa di dalam Ekshibit A yang dilampirkan bersama di dalam Perjanjian ini dengan notis kepada Stokis / Noir Distributor .

2. Wilayah

Stokis / Noir Distributor akan diberi kuasa untuk memasarkan Produk di [Wilayah] ("Wilayah") dan/atau Daerah di bawah jagaannya.

3. Tanggungjawab

Di dalam memasarkan dan menawarkan Produk untuk dijual di Wilayahnya, Stokis / Noir Distributor hendaklah:

- i) Mempunyai syarikatnya secara sendiri samada ianya ditubuhkan di bawah Enterprise ataupun Sendirian Berhad;
- ii) Syarikat yang dimiliki oleh Stokis / Noir Distributor tersebut hendaklah mempunyai bank akaun semasanya sendiri;
- iii) Ejen dan Dropship akan terus dimasukkan di bawah jagaan Stokis / Noir Distributor;
- iv) Stokis / Noir Distributor adalah digalakkan untuk membuat pasukan jualan sendiri yang mana sasaran Stokis adalah untuk mendapatkan minimum 30 agen di bawah jagaannya;
- v) Minima pencapaian jualan pada setiap bulan adalah tertakluk kepada notis pemberitahuan pihak Syarikat dari masa ke semasa bagi setiap Stokis;

- vi) Perjumpaan bagi Stokis / Noir Distributor dengan Ejen dan juga Recruitment Program adalah diwajibkan bagi setiap bulan;
- vii) Stokis / Noir Distributor diwajibkan untuk hadir ke Ibu Pejabat Syarikat dan/atau Master Stokis / Noir Partner dan memberikan laporan bulanan;
- viii) Posisi Stokis / Noir Distributor ini adalah bergantung kepada individu itu sendiri samada untuk sepenuh masa dan/atau separuh masa
- ix) Stokis / Noir Distributor diwajibkan untuk melakukan penyambungan pembelian pada setiap bulan bagi 20 unit untuk setiap produk yang mana ianya adalah tertakluk kepada notis pemberitahuan pihak Syarikat dari masa ke semasa;
- vi) Dengan munasabah membantu Syarikat berkenaan dengan apa-apa dan semua perkara pengumpulan seperti yang diminta oleh Syarikat.

4. Keuntungan

Stokis / Noir Distributor akan memperolehi margin keuntungan (yang mana ianya ditentukan tertakluk kepada notis pemberitahuan pihak Syarikat dari masa ke semasa) daripada semua Jualan Bersih Produk secara langsung daripada usaha Stokis / Noir Distributor setelah ditolak dengan harga yang ditawarkan oleh pihak Syarikat kepada Stokis /Noir Distributor Jualan. "Jualan Bersih Produk" hendaklah ditakrifkan sebagai jumlah hasil jualan daripada jualan yang dibuat oleh Stokis / Noir Distributor tanpa mengira sebarang caj balik, pengembalian, atau kemungkiran oleh pelanggan.

Sekiranya Pihak-pihak menamatkan Perjanjian ini untuk sebarang alasan, Syarikat tidak akan mengambil semula produk yang telah diserahkan kepada Stokis dan atas kapasiti Stokis tersebut sendiri untuk menghabiskan jualan produk-produk yang ada di dalam simpanannya.

Pembayaran keuntungan hendaklah dibuat kepada Stokis / Noir Distributor pada atau sebelum [Masa] untuk [Tempoh].

5. Deklarasi

Stokis tidak boleh membuat sebarang deklarasi untuk sebarang papan tanda pengiklanan produk, pada mana-mana bahan cetakan, pengiklanan di dalam ruang media sosial atau di mana-mana tempat (platform) ruang secara dalam talian yang lainnya, apa-apa wadah bahan-bahan cetakan yang lain, apa-apa aplikasi perhubungan telefon (cth: Whatsapp, Line dll) TANPA TERLEBIH DAHULU merujuk kepada maklumat-maklumat produk yang disalurkan oleh pihak Syarikat. Sekiranya, pihak Stokis membuat sebarang deklarasi atas kapasitinya sendiri tanpa merujuk kepada maklumat-maklumat produk yang disalurkan oleh pihak Syarikat maka risiko tersebut akan ditanggung oleh pihak Stokis sendiri dan pihak Syarikat tidak akan sama sekali bertanggungjawab ke atas tindakan tersebut.

6. Kerahsiaan

Stokis / Noir Distributor tidak akan mendedahkan kepada mana-mana pihak ketiga apa-apa butiran mengenai perniagaan Syarikat, termasuk, tanpa batasan apa-apa maklumat mengenai mana-mana maklumat pelanggan Syarikat, pelan perniagaan, atau harga ("Maklumat Sulit"), (ii) membuat salinan sebarang Maklumat Sulit atau apa-apa kandungan yang berasaskan konsep-konsep yang terkandung dalam Maklumat Sulit untuk kegunaan peribadi atau untuk pengedaran melainkan jika diminta berbuat demikian oleh Syarikat, atau (iii) menggunakan Maklumat Sulit selain dari semata-mata untuk faedah Syarikat.

Sebaik sahaja penamatan hubungan antara Syarikat dengan Stokis / Noir Distributor, Stokis / Noir Distributor akan memulangkan kepada Syarikat apa-apa dokumen berkaitan dengan perniagaan Syarikat atau mana-mana rahsia dagangannya yang berada dalam simpanan Stokis / Noir Distributor.

7. Tempoh dan Penamatan

Walau apa pun dengan klausa 1 (v) yang disebutkan di atas, Perjanjian ini akan bermula pada tarikh pelaksanaan dan diteruskan sehingga mana-mana Pihak menamatkan Perjanjian ini secara bertulis.

Apabila penamatan tersebut, Stokis / Noir Distributor hendaklah menghentikan pemasaran dan penawaran jualan Produk dan hendaklah terus mematuhi kewajipan untuk tidak berkongsi dengan mana-mana pihak ketiga mana-mana maklumat rahsia Syarikat.

8. Masa

Masa yang dinyatakan hendaklah menjadi asas dan/atau intipati di dalam Perjanjian ini

9. Undang-Undang yang Terpakai

Perjanjian ini dan tafsiran istilahnya akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.